

SOALAN NO : 41

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman
[Indera Mahkota]

TARIKH : 28 Mac 2018

SOALAN : Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah status dan tindakan pihak Kementerian terhadap kegagalan "National Feedlot Corporation" (NFC) di dalam membangunkan industri pengeluaran daging lembu sehingga menjejaskan permintaan daging lembu untuk keperluan penduduk Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

National Feedlot Centre (NFC) Negeri Sembilan telah dibangunkan untuk mewujudkan rangkaian pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan jaringan pemasaran yang bersepadu di seluruh negara. Berdasarkan keputusan mahkamah pada 11 November 2016, kawasan tersebut telah dikosongkan oleh *National Feedlot Corporation* (NFCorp) pada bulan Mac 2017 dan dikembalikan semula Kerajaan Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, salah satu komponen pelaksanaan projek iaitu Ladang Satelit Nasional di bawah pemantauan Kerajaan masih diteruskan membabitkan 13 kawasan dengan 61 unit kandang dan melibatkan 26 penternak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HJ. HASBI B. HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

TARIKH : 28 MAC 2018

RUJUKAN : 10722

SOALAN :

**Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah sudah usaha
Kerajaan untuk mewujudkan "*seamless drive*" dalam perjalanan
darat antara Sarawak/Brunei/Sabah.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan program Brunei – Malaysia *Frequent Travellers Programme* (BMFTP) bertujuan untuk memudahkan perjalanan antara Sarawak, Brunei dan Sabah. Kemudahan BMFTP diguna pakai bagi membolehkan pemegang pas khas keluar dan masuk dengan hanya mengimbas pasport tanpa perlu pengesahan atau cop di setiap pemeriksaan keluar masuk Imigresen. Pengesahan khas BMFTP akan diberikan sekali sahaja berdasarkan tempoh kelayakan pemegang pasport untuk berada di Malaysia iaitu 3 bulan bagi pemegang pasport warganegara Brunei dan 1 bulan bagi pemegang pasport warganegara Malaysia.

Susulan daripada Rundingan Tahunan Pemimpin Malaysia dan Brunei Darussalam Ke-21 pada 23 November 2017, Kementerian telah melawat dan mengadakan kajian melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2018 yang bertujuan seperti berikut:

- a) mengenal pasti punca permasalahan kesesakan di pintu masuk sempadan Malaysia-Brunei di Bahagian Utara Sarawak;**

- 95
- b) mencadangkan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagi memudah cara proses pemeriksaan imigresen di pintu masuk Bahagian Utara Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam; dan**
 - c) mencadangkan Pelan Tindakan serta aspek yang boleh ditambah baik dan dinaik taraf.**

Cadangan Pelan Tindakan Jangka Pendek dan Jangka Panjang melibatkan infrastruktur dan prasarana ICT bagi melancarkan trafik di pintu masuk Bahagian Utara Sarawak dan Brunei Darussalam dijangka dapat menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam tempoh suku ketiga tahun 2018 hingga tahun 2019.

97

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA
BIN MAIDIN [SEPANG]**

TARIKH : 28.3.2018 (RABU)

SOALAN : 43

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- a) adakah pihak Kementerian ada membuat sebarang laporan polis atau mencadangkan satu siasatan dan pendakwaan dibuat ke atas pihak-pihak yang berkaitan dalam isu pembayaran A\$ 41.8 juta kepada sebuah syarikat lahu (a shell company) bernilai US\$2 di Caribbean yang ada kepentingan di bangunan yang dikenali sebagai Unilodge di 746, Swanston Street, Melbourne, Australia; dan
- b) jika ada, apakah status kes tersebut dan mengapakah, sehingga kini tiada pendakwaan dibuat ke atas mana-mana individu yang terlibat.

05

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat kes ini dan segala dokumen yang berkaitan telah diserahkan kepada SPRM.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) sentiasa memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM bagi siasatan lanjut berhubung kes ini.

SOALAN (44)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 MAC 2018
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

SOALAN :-

YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan program-program rumah mampu milik turut dapat dinikmati masyarakat luar bandar.

97

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai 2013 hingga akhir tahun 2018 bagi semua lapisan masyarakat termasuklah penduduk di luar bandar untuk memiliki rumah. Pelbagai Kementerian, agensi Kerajaan dan Negeri serta pihak pemaju swasta terlibat dalam penyediaan RMM ini.

Pembinaan RMM di kawasan luar bandar, adalah di bawah penyelarasan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan pihak Kerajaan Negeri melalui Program Perumahan Luar Bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui mesyuarat Majlis Perumahan Negara Bilangan 1/2016 pada 6 April 2016 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri juga telah menetapkan siling bagi RMM di seluruh negara adalah pada harga RM300,000.00 sebuah/unit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program dan skim perumahan sedia ada yang ditawarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada rakyat termasuk penduduk di luar bandar adalah seperti:

- 1) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- 2) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit);
- 3) Skim Pinjaman Perumahan (SPP); dan
- 4) Program Perumahan Rakyat (PPR).

Dalam memastikan pelaksanaan program-program RMM turut dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat termasuklah masyarakat luar bandar, Kerajaan telah mempunyai beberapa platform yang khusus bagi membincangkan isu perumahan ini secara kolaborasi antara Agensi-Agensi Kerajaan serta pemain-pemain industri sektor swasta seperti:

- 1) Majlis Perumahan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri;

- 9n
- 2) Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee*) Mengenai Isu-Isu Perumahan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri; dan
 - 3) Mesyuarat-mesyuarat berkala yang diadakan oleh KPKT secara kolaborasi dengan agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018